

MEMORANDUM

Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri
Tingkat 6 & 7, Blok A, Menara Kinabalu
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 Kota Kinabalu. Sabah

Daripada:
Pn Ernywati Dewi Abas
Pengarah

JPKN 900-5 JLD.2

Kepada:
KPP-PICT
KPP-PSM
KPP-K&A
Semua Ketua Cawangan

Tarikh : 15 Mei 2025

Tuan/Puan,

PENETAPAN KADAR BAYARAN ELAUN PENCERAMAH BAGI KURSUS YANG DILAKSANAKAN MENGGUNAKAN PERUNTUKAN LATIHAN ICT SEKTOR AWAM

Perkara dan keputusan perbincangan di antara saya dan para ketua cawangan pada 14 Mei 2025 adalah dirujuk.


2. Peruntukan Latihan ICT Sektor Awam adalah bertujuan untuk perbelanjaan bagi memberikan latihan yang berkaitan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kepada kakitangan agensi-agensi Kerajaan Negeri Sabah. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumi bahawa para Ketua Cawangan telah merancang beberapa kursus ICT untuk dilaksanakan di peringkat wilayah seliaan masing-masing.

4. Justeru, semua pegawai di pejabat cawangan adalah secara automatik adalah tenaga pengajar dan perlu dimasukkan dalam senarai tugas jawatan masing-masing. Namun bagi menghargai perkhidmatan dan usaha para pegawai ini dalam memberi tunjuk ajar maka pihak pengurusan bersetuju untuk membayar saguhati sebanyak RM500.00 sehari kepada setiap tenaga pengajar yang terlibat dalam pelaksanaan kursus ICT tersebut.

5. Pihak pengurusan mengucapkan jutaan terima kasih dan syabas serta tahniah atas inisiatif para pegawai jabatan ini dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Sekian. Terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
‘Profesionalisme Teras Keunggulan’**


(ERNYWATI DEWI ABAS)
Pengarah



“SABAH MAJU JAYA”